



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 7/2023**

28 JULAI 2023 | JUMAAT

9.00 PAGI | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ketua-ketua WHIP,

Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis

MPS

Bil.7/2023

bagi

bulan

Julai

pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 30 Jun 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak RM 52.39 juta (91.91%) daripada RM 57 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 7.98 juta (66.48%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 12 juta.

2. NOTIS (BORANG E) DAN BIL CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 Untuk makluman juga, waran tahanan telah diproses bermula pada 1 April 2023, iaitu setelah tamat tempoh notis (Borang E). Waran berjumlah RM100.00 diproses bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas dan sehingga 30 Jun 2023 sebanyak 28,248 waran telah diproses dan dihantar.
- 2.2 Pihak MPS telah memproses bil cukai taksiran bagi penggal 2/2023 sebanyak 220,490 akaun dan sebanyak 67,059 bil telah dihantar secara digital iaitu melalui emel dan sebanyak 36,753 notifikasi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dikirim. Tarikh akhir bayaran cukai

taksiran bagi penggal 2/2023 adalah pada 31 Ogos 2023.

2.3 MPS juga sedang mengadakan kempen bayaran cukai taksiran melalui dalam talian dengan menggunakan aplikasi MyMPS selain melalui platform bayaran di Lazada, Shopee dan Cepat bermula Januari 2023.

3. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS

3.1 Selain itu, dalam dunia serba digital ini, untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan, MPS telah menaiktaraf portal MyMPS untuk pelanggan melaksanakan transaksi dengan lebih mudah. Pelanggan MPS boleh membuat memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang di pautan <https://mymps.mps.gov.my>.

3.2 Pada Jun 2023, jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak RM 504,658.31 iaitu 981 transaksi meliputi bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang.

(Perincian untuk rujukan)

	Lesen Perniagaan	Sewaan Gerai	Permit Bangunan & Perancang
Transaksi	157	791	33
Jumlah	RM 156,381.13	RM 271,667.98	RM 76,609.20

4. PORTAL MY-ESIM

- 4.1 Dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil, MPS telah mengadakan sekatan ke atas rangkaian Sistem Integrasi Majlis dengan mewujudkan satu portal semakan bil-bil iaitu portal My-ESIM yang boleh diakses melalui pautan www.my-esim.mps.gov.my.
- 4.2 Setiap Jabatan dikehendaki menggunakan portal My-ESIM bagi menyemak tunggakan hasil di MPS sebelum memproses setiap permohonan yang diterima di Jabatan.
- 4.3 MPS telah mengorak selangkah ke hadapan dengan membuka portal My-ESIM kepada orang awam untuk semakan sendiri. Pemilik yang ingin menghantar sebarang permohonan di MPS boleh menyemak tunggakan hasil terlebih dahulu di portal dan seterusnya

membuat bayaran. MPS hanya menerima permohonan sekiranya Sijil E-SIM iaitu sijil yang menunjukkan tiada tunggakan hasil dikemukakan kepada jabatan yang akan memproses permohonan pemilik.

5. PENGURANGAN HARGA KOMPAUN SEHINGGA 80%

- 5.1 Untuk makluman, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menawarkan pengurangan kadar kompaun sehingga 80% mengikut jenis kesalahan yang dikenakan sempena Kempen Pengurangan Harga Kompaun Kesalahan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil MPS Siri 1/2023. Tempoh bagi penawaran ini bermula pada 1 Julai sehingga 31 Ogos 2023.
- 5.2 Tawaran pengurangan ini diberikan kepada orang ramai dan memberi peluang untuk menyelesaikan tunggakan. Pemilik kompaun adalah dikehendaki berurusan di Kaunter Rayuan Jabatan Perundangan, Tingkat 4, Menara MPS bagi tujuan semakan dan rayuan tersebut.
- 5.3 MPS ingin mengingatkan kepada pemilik kompaun bahawa kompaun yang berstatus saman adalah tidak layak untuk tawaran ini. Selain itu, sekiranya kompaun

tersebut gagal dibayar setelah rayuan dilakukan dalam tempoh kempen diadakan, pihak MPS berhak untuk membatalkan rayuan tersebut tanpa sebarang notis.

6. PROGRAM JOM TEROKA SELAYANG

- 6.1 Untuk makluman, sebuah program berkonsepkan 'tressure hunt' iaitu Jom Teroka Selayang bakal diadakan pada 27 Ogos 2023, pukul 6.30 pagi hingga 5.30 petang. Kali terakhir program ini diadakan adalah pada tahun 2018 dan tahun ini merupakan kali pertama program ini diadakan semula selepas pandemik melanda.
- 6.2 Gombak, Batu Caves, Batu Arang, Rawang, Kuang dan Bandar Baru Selayang merupakan antara kawasan-kawasan yang akan diteroka oleh peserta-peserta program ini. Kawasan yang dipilih adalah berdasarkan keunikan sesebuah lokasi itu sendiri supaya ia dapat dihayati oleh setiap peserta.
- 6.3 Yuran penyertaan adalah sebanyak RM 150.00 untuk satu pasukan yang dianggotai oleh 4 peserta dan diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya 1 peserta perempuan. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 11

Ogos 2023. Hadiah yang ditawarkan adalah sehingga RM 7,300.00.

- 6.4 Program ini mensasarkan sebanyak 50 pasukan terawal secara keseluruhan. Sehingga kini, hanya 13 pasukan yang mendaftar. Jadi, saya menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis untuk menguar-uarkan program ini kepada penduduk di zon masing-masing untuk turut serta dalam program Jom Teroka Selayang.

7. SELAMAT MENGUNDI – PILIHAN RAYA NEGERI SELANGOR

- 7.1 Seperti semua sedia maklum, tarikh 12 Ogos 2023 adalah hari yang penting bagi semua untuk membuat pilihan sempena Pilihan Raya Negeri Selangor.
- 7.2 Penamaan calon bagi Pilihan Raya Negeri Selangor ini akan diadakan pada 29 Julai 2023 (Sabtu) yang akan melibatkan penutupan jalan utama di Jalan Persiaran 3, Bandar Baru Selayang pada hari tersebut bermula 7.00 pagi sehingga selesai.
- 7.3 Pegawai-pegawai MPS yang dilantik sebagai Pegawai Pengurus akan terlibat dengan Pilihan Raya Negeri di

3 DUN iaitu N.13 – DUN Kuang yang akan dikendalikan oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, N.14 – DUN Rawang yang akan dikendalikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi dan N.15 – DUN Taman Templer yang akan dikendalikan oleh saya sendiri.

7.4 Justeru, marilah kita bersama-sama menunaikan tanggungjawab masing-masing sebagai rakyat Selangor untuk turun mengundi di pusat-pusat pembuangan undi yang telah ditetapkan.

7.5 Akhir kata daripada saya, tunaikan tanggungjawab anda sebagai rakyat Selangor dan selamat mengundi.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.